

# EL-WAZIF

Bil. 13 | Mei - Jun 2022



Cawangan Melaka



## Selamat Hari Raya Aidil Adha

### 1443H / 2022 M

سَلَامٌ عَلَيْكَ يَا رَأِي عَيْدِ الْاَضْحَى

“Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata,  
dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur)”  
Al-Kauthar : 2

*Ingatan tulus ikhlas daripada*  
**Koordinator & seluruh warga  
Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),  
UiTM Cawangan Melaka**


**UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF)** **UiTM CAWANGAN MELAKA**

## Minta

Kata lawan memberi adalah meminta. Ironi terma ini di ruangan filantropi. Meski kedengaran sumbang, istilah ini mampu tampak tinggi kedudukan sesuai perilaku. Terkadang tidak mampu dilakukan walau tiada modal dihulur malah makin dapat hasilnya. Mampukah kita.....

pinta laluan pada yang sedang menyapu dipertengahan koridor institusi gah ini. Meminta pendapat akan keperibadian kita daripada orang lain. Sedang wajah sendiri tak mampu dilihat melainkan bercermin, apatah lagi perilaku yang tak punya jasad, hanya terzahir perbuatan dan lisan. Terakhir, teragung; meminta-minta kepada Yang Esa di sepertiga malam.

- Editor





# EL-WAZIF

*e-Buletin*

**Bil 13 | Mei - Jun 2022**

**UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF)  
UiTM Cawangan Melaka**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),  
UiTM Cawangan Melaka,  
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,  
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : [el-wazif@uitm.edu.my](mailto:el-wazif@uitm.edu.my)

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

Instagram: <https://www.instagram.com/elwazif.edu.my>

eISSN 2805-5780



9 7 7 2 8 0 5 5 7 8 0 0 8

**PENAUNG**

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini  
Rektor UiTM Cawangan Melaka

**PENASIHAT**

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh  
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

**PENGERUSI**

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor  
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

**EDITOR**

Mohd Nabil Zulhemay  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor  
Gajah

**PENOLONG EDITOR**

Puan Shahreena Bt Daud  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

**AHLI JAWATANKUASA:**

**PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL**

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini  
Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

**PEREKA BENTUK GRAFIK**

Mohd Nabil Bin Zulhemay  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faiz Mohd Fadzil  
Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

## ISI KANDUNGAN

Mesyuarat JPKW	1
WaDI, PTAR Bakal Kerjasama	1
Lawatan Tapak PTAR, PAWE ke WaDI	2
Kerja Pendaiwaan Di Kebun WaDI	3
Tahniah, Koordinator EL-WAZIF!	4
Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Melaka Sesi Mac-Ogos 2022	5
Kempen Bayar Zakat Melalui Potongan Gaji Staf UiTM Melaka	10
Korban & Wakaf Telaga Kemboja Kembali Lagi	11
Potensi Penggunaan Buku Digital/E-Buku	12
Pandemik Covid-19 Bukan Penghalang	13
Empati yang Menghidupkan Jiwa	13
Santuni Musibah Penuh Hikmah	14
Sedekah & Kemanusiaan: Minda Prihatin Bersama NISA' Melaka	14
ZAWFI 2022	15
Bantuan Khas Warga OKU UiTM 3.0	16

## Mesyuarat JPKW

24 May 2022 yang lalu telah berlangsungnya mesyuarat khas oleh Jawatankuasa Pelaporan Kewangan WaDI (JPKW) bagi memuktamadkan pelaporan kewangan pertama WaDI bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Perbentangan laporan ini dibentangkan oleh team JPKW yang diketuai oleh Puan Nur Farahah binti Mohd Pauzi bersama puan Adriana binti Shamsuddin.

Untuk makluman, antara skop tugas JPKW ialah:

- Menyediakan pelaporan kewangan WaDI secara berkala (bulanan)
- Menyediakan pelaporan kewangan tahunan
- Menyediakan ringkasan prestasi tahunan

Ahli-ahli JPKW terdiri daripada:

1. Nur Farahah binti Mohd Pauzi
2. Adriana binti Shamsudin
3. Mohd Syazwan bin Karim
4. Azlan Md Thani
5. Nurfarahin binti Roslan
6. Khairiah binti Ahmad

Turut bersama dalam mesyuarat khas ini ialah Koordinator EL-WAZIF, Ustaz Muaz Mohd Noor dan Puan Fadzlina, kerani kanan EL-WAZIF.



## WaDI, PTAR Bakal Kerjasama: Undang Exco kerajaan negeri rasmi projek Tanaman Kontan



Telah berlangsung mesyuarat Program Gotong Royong dan Menanam Pokok WADI oleh exco kerajaan negeri Melaka anjuran bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Melaka dan Pertubuhan Pengurusan Warga Emas (PPAWE), Negeri Melaka sebentar tadi bertempat di PTAR, KAG.

Mesyuarat memutuskan penangguhan program yang dijadualkan berlangsung awal tahun baru ini kepada tarikh baru, sekitar pertengahan tahun ini, berikutan kekangan yang tidak dapat dielakkan.

El-Wazif telah diwakili oleh koordinator, ustaz Muaz Mohd Noor dan Penolong Pengurus projek WaDI, en. Amran Abd Razak.



---

## Lawatan Tapak PTAR, PAWE ke WaDI

Kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka telah membuat lawatan ke kebun WaDI bertujuan meninjau kawasan untuk program gotong-royong yang bakal diadakan. Program yang akan berlangsung ini merupakan anjuran PTAR bersama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Urban Transformation Centre (UTC) Melaka.

Lawatan diketuai oleh pengarah projek, Encik Nazri Abu Bakar (Pembantu Pustakawan Tertinggi), Pustakawan Kanan iaitu Cik Hazlin Ibrahim Khan dan Pn. Maznah Maarof serta beberapa kakitangan PTAR yang lain. Turut hadir adalah pengerusi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Melaka, En Adha Abdullah.

Program yang dijangka berlangsung pada hujung bulan Jun ini akan melibatkan penyertaan ahli PAWE dan PTAR UITMCM serta exco kerajaan negeri Melaka.

Pihak WADI diwakili oleh Koordinator EL-WAZIF, Ustaz Muaz Mohd Noor, Penolong Pengurus Projek WaDI, En Amran Abd Razak serta Jawatankuasa WaDI, Encik Zaini Yazid.



## Kerja Pendaiwaan Di Kebun WaDI

Telah selesai kerja-kerja pemasangan pendawaian elektrik di bangunan Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) UiTMCM sebentar tadi. Pemasangan meliputi lampu dan suiz soket di dalam dan luar bangunan, termasuk tandas.

Untuk makluman, kos pemasangan bekalan kuasa elektrik di WaDI ini disumbangkan oleh Persatuan Warga Emas (PAWE) Melaka dengan kerjasama PTAR UiTM Melaka, sempena majlis gotong royong dan penanaman anak pokok oleh exco negeri Melaka yang akan diadakan kelak.

Proses pemasangan meter dan sambungan kuasa oleh pihak TNB akan dilakukan dalam masa terdekat.

Terima kasih diucapkan kepada para penyumbang selama ini.





## Ucapan Tahniah Kepada Koordinator EL-WAZIF

Alhamdulillah, sekalung tahniah diucapkan dari warga kerja EL-WAZIF kepada Koordinator Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Ustaz Muaz Mohd Noor di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang diraih beliau pada tahun ini.

Semoga dengan kejayaan yang diperoleh akan menjadi pembakar semangat kepada semua warga kerja terutama di dalam Unit Waqaf, Zakat dan Infaq UiTM Cawangan Melaka. Semarak kejayaan ini kami raikan bersama. Syabas Ust. Muaz!



Gambar kenagan bersama penerima APC pada tahun 2022

# LAPORAN AGIHAN ZAKAT UiTM CAWANGAN MELAKA SESI MAC - OGOS 2022

DISEDIAKAN OLEH:  
UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF)  
UiTM CAWANGAN MELAKA)



Cawangan Melaka




## JUMLAH PENERIMA DAN JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT KAMPUS (Pelajar diploma dan ijazah sarjana muda UiTM CM, Sesi Mac - Ogos 2022)

KAMPUS	PENERIMA	JUMLAH AGIHAN
KAMPUS ALOR GAJAH (KAG)	244	RM 64,400.00
KAMPUS BANDARAYA (KBM)	164	RM 43,400.00
KAMPUS JASIN MELAKA (KJM)	262	RM 68,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>670</b>	<b>RM 175,800.00</b>

## KADAR AGIHAN ZAKAT MENGIKUT PEMBAHAGIAN ASNAF\* (Perbandingan sesi Okt 21 - Feb 22 dengan sesi Mac - Ogos 2022)


SEMESTER \ ASNAF	FAKIR	MISKIN	FISABILILLAH
OKT 2021 – FEB 2022	RM 350	RM 250	RM 200
<b>MAC – OGOS 2022</b>	<b>RM 350</b>	<b>RM 250</b>	<b>RM 150</b>

## Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Melaka Sesi Mac-Ogos 2022



## Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Melaka Sesi Mac-Ogos 2022


**AGIHAN ZAKAT PELAJAR UITM CAWANGAN MELAKA  
SESI MAC – OGOS 2022  
(KAMPUS BANDARAYA MELAKA - KBM)**



ASNAF	PEMOHON	JUMLAH (RM)
FAKIR	66	RM 23,100.00
MISKIN	56	RM 14,000.00
FISABILILLAH	42	RM 6,300.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>164</b>	<b>RM 43,400.00</b>

## Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Melaka Sesi Mac-Ogos 2022

**AGIHAN ZAKAT PELAJAR UITM CAWANGAN MELAKA  
SESI MAC – OGOS 2022  
(KAMPUS JASIN MELAKA - KJM)**



ASNAF	PEMOHON	JUMLAH (RM)
FAKIR	88	RM 30,800.00
MISKIN	111	RM 27,750.00
FISABILILLAH	63	RM 9,450.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>262</b>	<b>RM 68,000.00</b>

## Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Melaka Sesi Mac-Ogos 2022

### JUMLAH PENERIMA DAN JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT KATEGORI ASNAF: (Perbandingan sesi Okt 21 - Feb 22 dengan sesi Mac - Ogos 2022)

ASNAF SEMESTER	FAKIR	MISKIN	FISABILILLAH	JUMLAH
OKT 2021 – FEB 2022	231 ORANG RM 80,850.00	270 ORANG RM 67,500.00	147 ORANG RM 29,400.00	RM 177,750.00
MAC – OGOS 2022	245 ORANG RM 85,750.00	263 ORANG RM 65,750.00	163 ORANG RM 24,300.00	RM 175,800.00




Gambar rajah: Jumlah penerima zakat mengikut kategori asnaf  
(perbandingan sesi Okt 21 – Feb 22 dengan sesi Mac – Ogos 2022)

## Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Melaka Sesi Mac-Ogos 2022

### JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT KAMPUS: (Perbandingan sesi Okt 21 - Feb 22 dengan sesi Mac - Ogos 2022)

ASNAF SEMESTER	KAMPUS ALOR GAJAH (KAG)	KAMPUS BANDAR (KBM)	KAMPUS JASIN MELAKA (KJM)	JUMLAH
OKT 2021 – FEB 2022	RM 79,550.00	RM 42,500.00	RM 55,700.00	RM 177,750.00
MAC – OGOS 2022	RM 64,400.00	RM 43,400.00	RM 68,000.00	RM 175,800.00



Gambar rajah: Pecahan jumlah keseluruhan agihan zakat (dalam RM) mengikut kampus (KAG, KBM & KJM) (perbandingan sesi Okt 21 – Feb 22 dengan sesi Mac – Ogos 2022)

## Kempen Bayar Zakat Melalui Potongan Gaji Staf UiTM Melaka

UiTM Cawangan Melaka telah melancarkan kempen bayaran zakat staf UiTM Cawangan Melaka kepada ZAKAT SELANGOR-UiTM melalui sistem potongan gaji bulanan.

Dalam ucapan YBrS rektor sempena mesyuarat Staf Akademik UiTM Melaka Bil.1/2022 pada 20 Mei 2022 yang lalu, YBrS PM Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini telah menyeru dan mengajak semua staf dan pensyarah UiTM Melaka untuk berzakat bersama UiTM.

Ini berikutan tren peningkatan jumlah pelajar UiTM Melaka yang berstatus B40 atau berkategori asnaf zakat, penambahan jumlah permohonan bantuan pada setiap tahun serta keadaan baki tabung zakat cawangan yang agak terbatas.

Terdahulu YBrS rektor telah dibentangkan laporan terperinci permohonan zakat pelajar semester ini oleh pegawai Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (El-Wazif). Data-data menunjukkan kadar bantuan zakat pelajar pada setiap semester terpaksa dikurangkan dari jumlah kadar sebenar, selaras dengan keupayaan tabung zakat UiTM Melaka.

Sehubungan itu, setiap staf dan pensyarah UiTM Melaka yang beragama Islam, diseru dan digalakkan untuk membuat potongan gaji bulanan bersama ZAKAT SELANGOR-UiTM, bagi meningkatkan kutipan tabung zakat UiTM Melaka, seterusnya memberi peluang lebih ramai asnaf fakir dan miskin UiTM Melaka menikmati bantuan ini.

Menurut YBrS rektor lagi, sebanyak 50% dari bayaran zakat staf UiTM Melaka kepada ZAKAT SELANGOR-UiTM akan dipulangkan kepada pelajar-pelajar UiTM Melaka sendiri. Berbeza sekiranya staf membuat potongan zakat bersama agensi lain, yang tidak menjanjikan pulangan zakat kepada pelajar UiTM Melaka secara langsung.

Staf yang berminat untuk membuat bayaran zakat bulanan melalui potongan gaji, boleh merujuk carta langkah demi langkah membuat potongan gaji di laman web Fineportal UiTM Melaka (klik: <https://t.ly/jysQ>)

**KEMPEN BAYARAN ZAKAT STAF UiTM CAWANGAN MELAKA MELALUI KAEDAH POTONGAN GAJI BULANAN**

*Tahukah anda? Oleh kerana penyusutan tabung zakat UiTM Melaka, kadar zakat pelajar-pelajar UiTM Melaka terpaksa dikurangkan?*

*Tahukah anda? 50% Daripada bayaran zakat anda akan dipulangkan kepada pelajar anda sendiri dari kalangan pelajar fakir dan miskin UiTM Melaka?*

**AYUH STAF UiTM MELAKA, BANTULAH PELAJAR ANDA DENGAN BERZAKAT BERSAMA ZAKAT SELANGOR-UiTM**

Sila hubungi penyelaras zakat berikut untuk bantuan:

013-3999132 (Ustaz Faisal, Kampus KAG)  
017-3574794 (Ustaz Ammar, Kampus KBM)  
019-6930297 (Ustazah Rafedah, Kampus KJM)

Link Website Fineportal

Notis Hebahan Potongan Gaji

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF) | UiTM CAWANGAN MELAKA

Sekiranya terdapat sebarang persoalan, atau memerlukan bimbingan pegawai EL-WAZIF untuk bantuan, boleh hubungi nombor-nombor berikut.

1. Seksyen Zakat, KAG  
Ustaz Nor Mohd Faisal Md Ariffin  
No. Tel Pejabat: 06 5582335  
No. Tel. Hp: 013-3999132 ( <https://wa.me/6033999132> )
2. Seksyen Zakat, KBM  
Ustaz Ahmad Ammar bin Rozaini  
No. Tel. Pejabat: 06 2857038  
No. Tel Hp: 017-3574794 ( <https://wa.me/60173574794> )
3. Seksyen Zakat, KJM  
Ustazah Nor Rafedah Mohsan  
No. Tel. Pejabat: 06-2645124  
No. Tel Hp: 019-6930297 ( <https://wa.me/60196930297> )



## Korban & Wakaf Telaga Kemboja Kembali Lagi; Siri-2

Persatuan International Business Unity Club (IBUC) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Kelab Warisan Budaya (KWB), Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA), Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) & Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF) akan menganjurkan Program Kurban & Wakaf Telaga serta sumbangan Keperluan Asas di Kemboja

Kami ingin menjemput semua kaum muslimin dan muslimat untuk menyertai program amal ini.

Masih belum terlambat, Kutipan ini berlangsung pada 24 Mei 2022 sehingga 11 Julai 2022. Sekiranya berminat untuk menyertai program kami ini Tuan/Puan bolehlah mengisi link Google Form yang disediakan dengan menekan pautan berikut: <https://forms.gle/yqwXWFFUwE7whpeD6>

Sebarang Pembayaran Bagi Korban, Waqaf Telaga Dan Derma Ikhlas Boleh Disalurkan Kepada : NAMA AKAUN KELAB SUKARELAWAN ZAKAT (MAYBANK) NO. AKAUN 554026292153. REFERENCE : IBUCKORBAN2022

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada En. Muaz di talian 013-352 8158.

Mari sama-sama kita raikan amalan berwakaf dengan menyalurkan sumbangan. Terima kasih kepada para penyumbang yang telah menjayakan program siri pertama tempoh hari.

**PROGRAM PENGANTARABANGSAAN KHIDMAT MASYARAKAT  
PRIHATIN KEPADA UMMAH  
KORBAN DAN WAKAF TELAGA DI KEMBOJA SIRI II/2022**

<b>WAKAF TELAGA</b>  <b>RM 180</b> 1 LOT 5 LOT = 1 TELAGA	<b>IBADAH KORBAN</b>  <b>RM 350</b> 1 BAHAGIAN	<b>SUMBANGAN KEPERLUAN ASAS</b>  <b>RM 55</b> 1 KELUARGA
---	---	---

**TARIKH TUTUP  
PENYERTAAN:  
2 JULAI 2022**

**LINK  
PENDAFTARAN**

**SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI:**  
EN. ISHAM: +60 11 3902 9198  
UST. MUAZ: +60 13 352 8156  
EN. FIRAZ: +60 11 3365 7147  
PN. KHALILAH: +60 19 330 3375

**KERJASAMA BERSAMA**

## Potensi Penggunaan Buku Digital/E-Buku

Oleh: Sr Nor Azlinda Mohamed Sabli  
Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Ukur Bahan  
FSPU, UiTM Shah Alam

Kejadian bah besar yang berlaku baru-baru ini di beberapa negeri dalam negara kita telah memberikan impak yang sangat besar ke atas aspek, sosial, persekitaran dan juga ekonomi. Antara kesan besar akibat bencana ini adalah kerosakan buku fizikal yang dianggarkan mencecah jutaan ringgit. Dilaporkan juga oleh Sinar Harian pada 29 Disember 2021, sebuah gudang BookXcess yang diasaskan oleh Andrew Yap bertempat di Seksyen 33, Shah Alam juga berhadapan kerugian isu kerosakan buku sehingga mencecah 3.5 juta naskah. Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula perlu menggantikan sejumlah 263,662 buku teks yang telah rosak ekoran kejadian banjir yang sama dengan membabitkan 14,422 murid di seluruh negara.

Situasi yang berlaku ini sebenarnya memerlukan pendekatan drastik dari pelbagai pihak agar kerugian yang dialami dapat diminimalkan sebanyak mungkin. Keperluan bahan bacaan semasa yang menjadi keperluan utama dalam sistem pembelajaran sewajarnya seiring dengan kelestarian alam disamping memenuhi ruang dan pilihan yang ada untuk dipertimbangkan. Sejalan dengan teknologi digital masa kini, sudah sampainya masanya bahan bacaan yang ada beralih konsep daripada buku fizikal sedia ada kepada buku digital atau e-buku.

Hal demikian kerana penggunaan e-buku dalam kalangan masyarakat kita hari ini semakin mendapat tempat dihati para pembaca, seiring dengan usaha pembukuan digital yang semakin berkembang pesat dalam kalangan penulis. Malah usaha pengeluaran bahan digital ini terus didokongi dengan pelancaran Portal U-Pustaka sedekad yg lalu yang mana sehingga kini terdapat 52 juta bahan bacaan digital yang terdiri daripada e-buku, e-majalah, e-jurnal dan e-pembelajaran, yang pastinya merencanakan lagi amalan pembacaan bahan digital sedia ada.

Penggunaan e-buku pada waktu ini adalah selaras dengan perkembangan era digital yang pesat dan pantas membangun. Hal demikian kerana kesediaan konsep E-buku memberikan banyak kelebihan jika dibandingkan buku fizikal yang memerlukan ruang penyimpanan buku yang besar selain melibatkan kos yang besar ketika proses cetakan dan pemasaran berbanding e-buku secara salinan lembut, ia pastinya terhindar dari isu pelupusan mahupun kerosakan khususnya apabila berlakunya bencana. Menerusi pengoperasian e-buku yang mudah dicapai melalui jaringan internet, ianya amat fleksibel disamping memenuhi keperluan semasa para pembaca ilmiah maupun umum. Kemudahan ini secara tidak langsung akan menggalakkan budaya membaca dikalangan masyarakat Malaysia melalui bahan bacaan yang mudah untuk dicapai.

Seiring dengan itu satu inisiatif kearah penggunaan e-buku telah rancang dilakukan oleh Master Shiro Global Academy (MSGGA) menerusi penyediaan satu platform digital kepada para pembaca dan penulis sendiri diluar sana untuk bertindak sebagai penerbit dan pemasar ke atas e-buku yang dikeluarkan. Menurut pengasasnya Hasrul Taufek Roslan, MSGGA yang bermotokan 'Jihad Ilmu, Jihad Ekonomi, Jihad Pendidikan' bukan sahaja membantu perkembangan ilmu dan pendidikan, sebaliknya menyumbang kepada penjana ekonomi yang berterusan. Menerusi gandingan bersama dua badan bukan kerajaan iaitu Kelab Usahawan Ebook Malaysia (KUEM) dan Kelab Penulis Muda Malaysia (KPMM) sehingga hari ini MSGGA berjaya melebarkan jaringan ruang pasaran digitalnya di 17 buah negara bersama lebih dari 3000 pemilik kedai buku digital yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti pelajar, suri rumah, doktor, pensyarah, guru dan usahawan. Usaha ini terus dimantapkan lagi dengan pelbagai program taklimat, seminar dan bengkel hasil usahasama pelbagai pihak bagi menarik lebih ramai para penulis e-buku di samping merencanakan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Justeru penggunaan bahan bacaan secara digital merupakan langkah wajar dalam menyemarakkan aktiviti membaca dalam kalangan penduduk Malaysia. Sifatnya yang fleksibel dan mudah diakses menerusi pelbagai gajet kegunaan harian sememangnya mampu memberikan nafas baru dalam industri pendidikan Malaysia.

---

## **Pandemik Covid-19 Bukan Penghalang Warga Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) Terus Menyumbang**

Oleh: Nurhidayati Binti Mat Daud  
Pensyarah Kanan  
Pengajian Kejuruteraan Awam  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
nurhidayatimd@uitm.edu.my

SUNGAI PETANI, 1 Disember 2021 – Pandemik Covid-19 bukan penghalang kepada kakitangan Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk terus melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Pada 1 Disember 2021, Unit Kebajikan, Sukan dan Khidmat Masyarakat, Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA), UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berkunjung ke Butik Qasehku.com, milik Pertubuhan Jariah Qaseh Malaysia bagi menyerahkan barang – barang sumbangan dari warga PKA. Antara barang – barang yang diserahkan adalah seperti pakaian, barangan elektrik, kelengkapan bayi, kasut, novel, hiasan rumah dan barangan dapur. Majlis penyerahan barangan kepada Pengerusi Pertubuhan Jariah Qaseh Malaysia iaitu Puan Natipah Abu juga turut disaksikan oleh Pegawai Zakat Daerah Kuala Muda, Kedah, iaitu Encik Sofiyuddin Ismail. Pengumpulan barang daripada kalangan staff PKA telah berlangsung selama dua minggu sebelum hari penyerahan.

Butik Qasehku.com yang terletak di Sungai Petani, Kedah menjual pelbagai barangan termasuk pakaian, kasut, keperluan wanita dan novel. Barangan sumbangan tersebut akan dijual pada harga yang amat berpatutan iaitu serendah RM10. Matlamat penjualan selain untuk mengumpul dana bagi menampung kos operasi rumah kebajikan milik pertubuhan tersebut iaitu Rumah Qaseh Ayah, Rumah Anak Yatim Perempuan Jariah Qaseh dan tiga buah rumah mengaji percuma di sekitar Sungai Petani. Butik ini juga memberi peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan membeli barangan keperluan pada harga yang rendah.

---

## **Empati yang Menghidupkan Jiwa**

Oleh: Hayati Adilin Mohd Abd Majid  
Pengurusan Hotel & Pelancongan  
UiTM Kuala Terengganu

Empati itu satu anugerah terindah  
Dalam menyelami & memahami emosi penuh  
hemah  
Ia hadir dari hati yg ikhlas tanpa helah  
Tanda jiwa yg tunduk merendah  
Dalam menyantuni ujian insan tanpa lelah

Empati yg sebenar bukan untuk dipuji  
Apatah lagi untuk meminta balasan & di sanjungi  
Ia perlu dicari, di gali dan diberi setulus hati yg suci  
Kerana kita semua sentiasa di perhati ILAIHI  
Akan baik dan buruk yang terpendam di hati

Moga segala empati menyinari seperti mentari  
Melebarkan cahaya untuk setiap cerita tersendiri  
Agar berganda syukur akan nikmat dari ILAIHI  
Menambah rasa hormat & kasih sayang sesama  
insani  
Untuk terus muhasabah dan insafi kelemahan diri

Sungguh indah anugerah ini tanpa kata  
Ia hadir dalam menghidupkan jiwa & raga  
Memperkasa budi yg luhur penuh bakti & jasa  
Memberi dengan penuh senyuman & titisan air  
mata  
Moga ia menjadi benih jariah & pahala jaminan ke  
syurga

---

---

## Santuni Musibah Penuh Hikmah

Oleh: Hayati Adilin Mohd Abd Majid  
Pengurusan Hotel & Pelancongan  
UiTM Kuala Terengganu

Tatkala Hati Teruji dengan Musibah,  
Redalah Menerima Tanpa Resah Gelisah  
Bersangka baiklah pada yang maha pemurah  
Yang Setiap kesulitan itu ada pahala dan hikmah  
Buat HambaNya Yang Cekal Menyantuni Ibrah

Jangan di ratapi dengan sedih dan gundah  
Kerana ia menghilangkan pahala sabar dan tabah  
Menambah kecewa dan pasrah yang amarah  
Yang Membuatkan kita lemah menyerah  
Tafakkur & Berbicaralah DgnNya Tunduk  
Merendah

Teruskan Jihad Penuh Mujahadah  
Syukurilah Nikmat Yang Ada Sebagai Anugerah  
Istiqamahkan Berbuat Kebaikan Yang Barakah  
Pasti Ada Sirna Kekuatan Yg Menyerlah.  
Yang melayakkan kita ke SyurgaNya Nan Indah

---

## Sedekah & Kemanusiaan: Minda Prihatin Bersama NISA' Melaka

Oleh: Khairunnisa' Binti Yussof & Siti Musliha Binti  
Mohd Idris  
Fakulti Pengurusan & Perniagaan

Mengambil ibrah seqedah wasilah kepada rahmat ALLAH, kami di kelab MIND di bawah program Diploma Pengajian Perniagaan (Insurans) UiTM Melaka telah mengambil inisiatif untuk menyalurkan bantuan kepada fronliner dan pesakit COVID-19 bertarih pada 15 Januari 2021 (Sabtu). Hasil Kerjasama dengan NISA MELAKA untuk pertama kalinya telah membuahkan hasil yang baik dan jitu. Kolaborasi ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar akan kepentingan membantu sesama insan dan juga untuk memupuk semangat kasih sayang sesama kita.

Hasil Sumbangan disampaikan di dalam bentuk bahan makanan, minuman (air mineral) dan juga selimut. Sumbangan ini telah membantu serba sedikit mereka yang berada di barisan hadapan serta para pesakit yang di uji covid-19 yang berada di PKRC MITC, Ayer Keroh, Melaka.

Kelab MIND UiTM Melaka telah di wakili oleh Puan Khairunnisa' Binti Yussof dan Puan Siti Musliha Binti Mohd Idris yang merupakan pensyarah dari fakulti pengurusan & perniagaan. Manakala Nisa' Melaka pula diwakili oleh tiga orang ahli jawantankuasa iaitu Puan Suhaila, Puan Syuhaidah, dan Puan Saida Farhanah.

Kelab MIND berharap akan dapat terus berkerjasama bersama NISA' Melaka di dalam misi bantuan atau khidmat masyarakat kepada penduduk setempat khususnya negeri Melaka. Sekaligus, ia nya dapat memberi terjemahan kepada konsep kemanusiaan di mana kita perlu saling bantu membantu untuk terus menguatkan tali persaudaraan sesama kita. Tambahan lagi, Sabda Nabi Muhammad SAW:

“Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”  
(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Seruan baginda adalah untuk kita semua agar teruslah sebarkan kasih sayang kepada sesiapa sahaja. Maka hasilnya kita akan menjadi kuat serta dapat menghasilkan impak yang positif kepada masyarakat.

---



# ZAWFI

## 2022

5<sup>th</sup> International Virtual Conference  
of Zakat, Waqf & Islamic Philanthropy

*"Empowering the Potential of Hibah and Contemporary Islamic Philanthropy"*

**14<sup>th</sup> SEPTEMBER 2022**

### CALL FOR PAPERS & PARTICIPANTS

(MALAY, ARABIC, ENGLISH)



VIDEO PRESENTATION

#### Sub Themes

ZAKAT INFAQ HIBAH WASIAT WAQF	SADAQAH FARAID INHERITANCE OTHER AREAS* <small>*RELATED TO ISLAMIC PHILANTHROPY</small>
---	---

#### Area of Interest

MODEL LAW/HUKM INVESTMENT EDUCATION LEGAL	RESEARCH MANAGEMENT ENFORCEMENT PRACTICE / MECHANISM INNOVATION & RELATED
---	---

ALL ACCEPTED AND REVIEWED PAPERS WILL BE CONSIDERED FOR PUBLICATION AS CHAPTER IN BOOK, OR INDEXED JOURNAL (SCOPUS/ MYCITE/MYJURNAL)\*

\*ADDITIONAL FEES WILL BE CHARGED



14<sup>th</sup> September 2022



#### Keynote Speaker 1

"SHARIAH AND LEGAL ISSUES IN HIBAH AMANAH PRODUCT IN MALAYSIA"

Assoc. Prof. Dr. Mohd Afandi Mat Rani

DEAN  
ACADEMY OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### Important Dates

**ABSTRACT REGISTRATION DEADLINE**  
15 JUNE 2022

**FULL PAPER SUBMISSION DEADLINE**  
15 JULY 2022

**CAMERA READY SUBMISSION DEADLINE**  
15 AUGUST 2022

**PARTICIPANT REGISTRATION DEADLINE**  
15 AUGUST 2022

#### Conference Fee

LOCAL: **RM300**

INTERNATIONAL: **USD 70**



 [www.zawfi.uitm.edu.my](http://www.zawfi.uitm.edu.my)

 +6017-2542738

 [zawfi@uitm.edu.my](mailto:zawfi@uitm.edu.my)

 +603-55442381/+603-55442668 (FAX)



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Unit  
Perkhidmatan OKU  
(UPO)

# BANTUAN KHAS WARGA OKU UITM 3.0

**BKWO 3.0-UITM**



## MAKLUMAN PENTING PERMOHONAN

### TERBUKA KEPADA WARGA OKU UITM YANG BERDAFTAR DENGAN UPO UITM



- Sila pastikan resit atau sebut harga bagi pembelian alat tiruan atau sokongan /rawatan terapi telah disahkan.
- Semua dokumen permohonan perlulah disahkan oleh pegawai kerajaan, gred 41 ke atas (kumpulan A), penghulu, ketua kampung atau ketua masyarakat setempat.
- Hanya borang permohonan yang lengkap akan diproses



Borang permohonan boleh di muat turun di QR Code atau pautan berikut :

[https://upo.uitm.edu.my/images/borang/brgoku\\_2022.pdf](https://upo.uitm.edu.my/images/borang/brgoku_2022.pdf)

### JENIS BANTUAN :

• Bantuan alat tiruan / sokongan

• Bantuan rawatan / terapi

• Lain-lain keperluan yang berkaitan dengan kekurangan upaya

MAKLUMAT LANJUT SILA LAYARI LAMAN WEB UNIT PERKHIDMATAN OKU UITM



Unit Perkhidmatan OKU UITM



upo.uitm



BKWO.UITM@gmail.com



upo.uitm.edu.my



**SUMBANGAN WAKAF  
DUSUN ILMU  
JUMLAH TERKUMPUL  
SEHINGGA JUN 2022**

**KUTIPAN RM85,062.38  
PERBELANJAAN  
RM45,909.98  
SASARAN RM150,000.00**

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun **BANK ISLAM**  
**UiTM Cawangan Melaka 04024010017652**  
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

# Like & Follow

## Media Sosial EL-WAZIF

*Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedekah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Intagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka.*

### Pengiklanan (Media Sosial)



Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Intagram elwazif.edu.my

